



**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM**  
**(ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD)**  
**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI & ALAM SEKITAR**  
**(MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND THE ENVIRONMENT)**  
**TINGKAT 2 & 13, PLAZA PEKELILING**  
**NO. 2, JALAN TUN RAZAK**  
**504000 KUALA LUMPUR**



Telefon: 03-40423633/40423657/  
40423658/40425462  
40425470/40425633  
Telefak: 6-03-40415855

20 Ogos 2001

**NOTIS PEMBERITAHUAN AELB**  
**BIL. 4/2001**

## **KEBENARAN IMPORT/EKSPORT MINERAL RADIOAKTIF BAGI KILANG-KILANG AMANG KECIL**

### **TUJUAN**

1. Tujuan notis pemberitahuan ini adalah untuk memaklumkan kepada pengusaha kilang-kilang amang kecil berhubung dengan kebenaran import/eksport mineral radioaktif.

### **LATARBELAKANG**

2. Amang merupakan bahan sampingan yang diperolehi dari industri perlombongan timah yang boleh diproses bagi menghasilkan galian berat atau nadir bumi. Bahan mineral yang dihasil dari pemprosesan amang seperti ilmenit, monazit, zirkon dan xenotim dikenali sebagai mineral radioaktif.

3. Kilang yang memproses amang yang boleh menyebabkan dedahan kepada pekerja yang tidak melebihi 50 millisievert (mSv) setahun ditakrifkan sebagai Kilang Amang Kecil. Bagi tujuan mengawasi dan mengawalselia operasi kilang-kilang amang kecil ini, satu perintah di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304), iaitu Perintah Perlesenan Tenaga Atom (Kilang Amang Kecil)(Pengecualian) 1994 telah dibuat dan diwartakan pada 3 November 1994. Tiap-tiap kilang amang kecil adalah dikecualikan daripada peruntukan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 dengan syarat bahawa:-

- (a) kilang itu adalah berdaftar dengan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB); dan
- (b) dari tarikh pendaftarannya, pengendalian kilang itu mengikuti garis panduan semasa yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh AELB.

4. Sehubungan dengan itu, AELB dalam melakukan pengawasan ke atas kilang-kilang amang kecil tersebut telah mengeluarkan dua (2) buah buku panduan iaitu:-

- i. Panduan Perlindungan Sinaran Untuk Kilang Amang Kecil 1994 (LEM/TEK/32); dan
- ii. Panduan Untuk Keselamatan Pengangkutan Mineral Radioaktif Di Dalam Industri Mempertingkatkan Amang 1994 (LEM/TEK/37).

5. Walau bagaimanapun, bagi tujuan mempertingkatkan kawalan ke atas aktiviti import/eksport mineral radioaktif, semua pengusaha kilang-kilang amang kecil ini dikehendaki mendapatkan kebenaran daripada AELB terlebih dahulu sebelum sebarang aktiviti import/eksport dilakukan.

#### **ARAHAN AELB**

6. Mulai dari notis ini dikeluarkan, kesemua pengusaha kilang amang kecil yang ingin melakukan aktiviti import/eksport mineral radioaktif dikehendaki mendapatkan kebenaran daripada AELB terlebih dahulu. Permohonan kebenaran import/eksport boleh dilakukan dengan mengisi borang permohonan<sup>1</sup> kebenaran aktiviti import/eksport/pergerakan bahan radioaktif sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum aktiviti import/eksport dilakukan.

#### **PENUTUP**

7. Jika terdapat sebarang pertanyaan berhubung dengan notis pemberitahuan ini, sila berhubung melalui alamat di bawah:

Pengarah  
Bahagian Kod Dan Standard  
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom  
Tingkat 13, Plaza Pekeliling  
Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur

e-mel : [pbs@aelb.gov.my](mailto:pbs@aelb.gov.my)  
<http://www.aelb.gov.my>

Tel : 03 - 4042 3633  
Faks : 03 - 4041 5855

---

<sup>1</sup> Borang permohonan kebenaran import/eksport/pergerakan bahan radioaktif (3 salinan) boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran Lembaga Perlesenan Tenaga Atom, Tingkat 13 Plaza Pekeliling, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur. Sebarang urusan berkenaan dengan permohonan kebenaran ini hendaklah dirujuk kepada Pengarah Penguatkuasaan, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom. Contoh borang dilampirkan.

ASAL C 0277

LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM  
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR

PERMOHONAN KEBENARAN AKTIVITI  
IMPORT/EKSPORT/PERGERAKAN\* BAHAN RADIOAKTIF

A. Nama dan Alamat Syarikat/Agensi:  Amang Industri Sdn. Bhd., 25 Jalan Gopeng, 31900 Kampar, Perak.		B. Nombor Lesen LPTA: LPTA/A/ TB
D. Butir-butir berkenaan bahan radioaktif (Terkehadap/Tidak terkehadap)*  i. Unsur & No. jisim/ Mineral : zirkon ii. Aktiviti punca/ Mineral : U-238 = 1.13 Bq/g & Th-232 = 4.63 Bq/g iii. No. siri punca : TB iv. Tarikh tamat sijil : TB v. Jumlah/ kuantiti : 100 MT		C. Butir-butir bekas pengangkutan: i. No. Siri : TB ii. Model : TB iii. Tarikh tamat sijil : TB
E. Tarikh dijangka import/ eksport/pergerakan*: 22 September 2001		
F. Destinasi eksport/ pergerakan/ dari mana diimport*: China		
G. Jumlah bahan radioaktif (unsur dan No. jisim) yang sedia ada: TB		
H. Nyatakan pintu masuk/ keluar*: Port Klang		
I. Pengesahan Pegawai Perlindungan sinaran/ Penyelia/ Orang Bertanggungjawab Terhadap Lesen*  i. Nama : Tan Guan Chai ii. No. Kad Pengenalan/ Pasport*: 680302-05-7411 tan  Tarikh : 8 September 2001  Tandatangan & Cop Syarikat		
<b>UNTUK KEGUNAAN PEJABAT</b>		
1. Lulus/ Gagal Bil: .....		
2. Kelulusan sah sehingga : .....		
Nama : ..... Tarikh : .....		..... Bahagian Penguatkuasaan b/p Ketua Pengarah
<ul style="list-style-type: none"><li>- Potong (*) pada yang tidak berkenaan..</li><li>- Tulis TB pada ruang yang tidak berkaitan.</li><li>- Sila gunakan lampiran jika ruang tidak mencukupi.</li><li>- Borang ini hendaklah diisi dalam tiga(3) salinan.</li></ul>		<b>MALAYSIA</b>

RM 1.00